

# Tesco eksport produk halal RM1b

UM/200506/21/c/Industries  
**IPOH** 19 Mei - Tesco Malaysia memberi jaminan untuk meng-eksport barangan halal Malaysia bernilai RM1 bilion ke pasaran United Kingdom (UK) sehingga tahun 2011.

Jaminan ini diberikan oleh Tesco Malaysia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai menyokong pembangunan industri makanan halal negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pembelian pertama bagi eksport produk halal tempatan itu dijangka dibuat pada April depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco, James McCaan berkata, di bawah rancangan strategik itu, syarikat tersebut turut memberi komitmen membeli produk pertanian dari Perak berjumlah RM100 juta.

"Dalam tempoh itu, kita mungkin berkehendakkan barangan bernilai RM200 juta setahun untuk dieksport dan dijual di rangkaian Tesco UK.

"Kesemua lokasi mempunyai ramai penduduk Islam di sana dan pengusaha tempatan perlu merebut peluang ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi program pertanian berharga RM100 juta antara Tesco Malaysia dan kerajaan negeri Perak serta pembangunan pusat pengedaran segar berharga RM50 juta dengan Meranti Tiga Sdn. Bhd.

Upacara memeterai MoU itu telah disaksikan oleh Perdana Men-

**Kita mungkin berkehendakkan barangan bernilai RM200 juta setahun untuk dieksport dan dijual di rangkaian Tesco UK**

**JAMES MCCAAN**  
 Ketua Pegawai  
 Eksekutif Tesco

teri yang sedang mengadakan lawatan selama dua hari ke Perak.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak, Datuk Mohd. Tajol Rosli Mohd. Ghazali dan Pengerusi Lembaga Penasihat Tesco Malaysia, Datuk Mohamad Abid.

Menurut McCaan, dalam program itu, Tesco memerlukan sejumlah besar produk Malaysia terutama barangan makanan.

"Kami sangat berkehendakkan barangan keluaran negara ini yang bermutu untuk digunakan oleh lebih 1.6 juta penduduk Islam di Britain," katanya.

McCaan berkata, Tesco menjangkakan sebanyak 150 hingga 250 pengusaha akan diwujudkan melalui program tersebut.

Katanya, mereka juga perlu mendapat pengesahan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Jakim terlebih dahulu.

Dalam ucapannya, McCaan berkata, Tesco Malaysia telah mengenal pasti tiga peluang yang boleh menawarkan laluan ke pasaran dalam negara kepada syarikat-syarikat tempatan dan membantu mengekalkan kualiti, konsistensi dan harga hasil keluaran Malaysia.

Langkah-langkah penting yang diambil oleh Tesco Malaysia ialah bekerjasama dengan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan Pek Komunikasi Garis Panduan Pembekal bagi pembekal-pembekal berpotensi serta menganjurkan seminar dan bengkel mengenai pembekalan kepada pasar raya besar seperti Tesco, untuk pembekal tempatan, katanya.

Selain itu Tesco Malaysia juga memajukan dan membantu pembekal tempatan dalam pembekalan produk di bawah jenama Tesco kepada pasaran di dalam dan luar negara serta bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan dewan perniagaan tempatan untuk memaksimumkan peluang-peluang penyumberan tempatan.

Tesco Malaysia yang 70 peratus kepentingannya dimiliki Tesco dalam satu usaha sama dengan konglomerat Malaysia, Sime Darby, mempunyai 10 cawangan di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM810 juta.

Syarikat itu mengeksport produk Malaysia bernilai RM223 juta pada tahun 2003 dan 2004.

Tesco, entiti peruncitan ketiga terbesar di dunia selepas gergasi Amerika Syarikat, Wal-Mart dan Perancis, Carrefour, beroperasi di 12 negara di Eropah Timur dan Asia Tenggara.